

MAJLIS PERASMIAN 1MEGALAB

DIRASMIKAN OLEH
YBHG. DATO. PROF. IR. DR. RADIN UMAR BIN RADIN SOHADI

KETUA PENGARAH
JABATAN PENGAJIAN TINGGI

23 MAC 2007
PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYA



Jilid : 5 Bil 1 Jan - Jun 2009

Kemajuan dunia IT dan ICT diakui banyak memberi kemudahan dan faedah kepada pelajar dan juga ahli akademik bagi tujuan pembelajaran, pengajaran, penyelidikan, inovasi dan juga penerbitan di universiti. Kemudahan komputer beserta internet misalnya, kini menjadi suatu keperluan asas yang tidak dapat tidak, perlu disediakan bagi tujuan tersebut. Ia ibarat pena di mana kehadirannya amat diperlukan dalam proses pembelajaran seharian.

Kewujudan sumber bahan bacaan dan maklumat yang bersifat elektronik di perpustakaan menuntut kepada penyediaan lebih banyak kemudahan komputer dan juga internet bagi tujuan pengaksesannya. Buku-buku elektronik (e-books), jurnal elektronik (e-journals) dan pangkalan data elektronik (e-database) adalah merupakan sebahagian daripada bahan bacaan berkenaan, di mana pengguna boleh mengaksesnya pada bila-bila masa dan di mana juga berada, secara lebih mudah, lebih cepat dan lebih berkesan.

Penyediaan komputer dan internet seharusnya diimbangi dengan jumlah penggunaannya untuk memastikan kemudahan yang disediakan adalah mencukupi dan berkesan. Dalam masa yang sama kemudahan prasarana IT dan ICT yang berkaitan seperti sistem rangkaian atau network perlu ditingkatkan supaya ianya tidak mengganggu kelancaran proses pencarian serta perolehan ilmu pengetahuan dan maklumat secara online.

Bermula pada tahun 1997, Perpustakaan menyediakan sebanyak 28 unit komputer untuk kemudahan pengguna. Ia bertambah sebanyak 7 unit pada tahun 1998, 24 unit pada tahun 2000, 75 unit pada tahun 2001 dan yang terakhir ialah pertambahan sebanyak 64 unit pada tahun 2004. Mengambil kira peningkatan jumlah pengguna komputer selaras dengan pertambahan bilangan pelajar, begitu juga dengan trend peningkatan terhadap medium penyimpanan maklumat berbentuk digital, maka penempatan 1 Megalab di Perpustakaan bermula pada penghujung tahun 2007 dilihat amat wajar dan sangat bertepatan pada masanya.

TEKNOLOGI PEMANGKIN PERKHIDMATAN BERKUALITI



Dato' Prof. Ir. Dr. Radin Umar melawat pameran buku sambil diiringi pegawai utama universiti

Sambungan dari muka surat depan

Penyediaan sebanyak 500 unit komputer thin client beserta dengan kemudahan internet menjadikan 1 Megalab sebagai pusat penyediaan komputer setempat yang terbesar di Malaysia setakat ini. Perkhidmatan komputer yang dikawalselia oleh Unit Media dan Teknologi Pendidikan (UMTP) ini berkonsepkan 'free and easy' dimana pengguna dapat menggunakan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan secara percuma dan mudah untuk diakses. Ia beroperasi 20 jam sehari bermula dari jam 8.30 pagi sehingga 4:30 pagi keesokan harinya. Ia berperanan sebagai makmal komputer serbaguna utama universiti ini di mana pengguna boleh memanfaatkan kemudahan ini bagi tujuan pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan juga penerbitan universiti.

1 Megalab UMS telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Radin Umar bin Radin Sohadi, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, pada 23 Mac 2009. Majlis perasmianya telah



Dato' Prof. Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi memberikan ucapan

dianjurkan oleh Jabatan Perpustakaan dengan kerjasama UMTP. Antara aktiviti yang diadakan bersempena dengan majlis ini termasuklah pameran buku, pameran Revolusi IT serta pameran lukisan, kesenian dan kebudayaan. Turut hadir di majlis tersebut ialah Naib Canselor, Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Pegawai Utama universiti, para Dekan, Pengarah dan Ketua Jabatan, tetamu jemputan luar dan juga para pelajar UMS.



Dato' Prof. Ir. Dr. Radin Umar memotong riben perasmian disaksikan oleh Datuk Naib Canselor UMS

Salah seorang pelajar bertuah yang sempat merakamkan detik bersejarah bergambar bersama Dato' Prof. Ir. Dr. Radin Umar